

20 MAY 2003

Pekebun-Rangsangan

PEKEBUN KECIL JUGA MAHU LEBIH BANYAK RANGSANGAN EKONOMI

PUTRAJAYA, 20 Mei (Bernama) -- Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) meminta lebih banyak rangsangan ekonomi bagi menangani persekitaran luar yang tidak stabil serta memastikan pencapaian pertumbuhan berterusan dalam sektor pertanian.

Selain peruntukan kewangan, persatuan itu juga meminta kerajaan menstrukturkan semula sektor pertanian yang melibatkan pekebun-pekebun kecil selain bantuan teknikal dan khidmat nasihat.

Presiden PKPKM Datuk Mazlan Jamaludin berkata peruntukan tambahan penting berikutan keadaan ekonomi yang tidak begitu memberangsangkan pada masa ini.

"Kerajaan sebelum ini memperuntukkan RM1 bilion kepada kira-kira 300,000 pekebun kecil. Peruntukan berkenaan membuktikan kerajaan komited untuk menentukan kesemua peruntukan itu sampai kepada kumpulan sasar yang memerlukan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membentangkan memorandum PKPKM pada Dialog Bajet 2004 Sesi II yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan, di sini hari ini.

Memorandum yang disediakan itu melibatkan pandangan persatuan kepada kerajaan berhubung isu yang berkaitan dengan sosio-ekonomi pekebun kecil yang berteraskan sektor pertanian, membabitkan dua komoditi utama iaitu getah dan kelapa sawit.

PKPKM turut mengemukakan cadangan supaya penanaman getah diusahakan secara berkelompok dan menggunakan teknologi terkini dalam zon-zon agroekologi tertentu yang sesuai.

"Sekiranya negara perlu mengimport getah, langkah-langkah yang sesuai hendaklah diambil untuk menstabilkan harga getah ke satu tahap yang boleh menentukan pengeluar getah dalam negara mendapat harga berpatutan," katanya.

PKPKM juga memohon supaya inisiatif tanam semula kelapa sawit untuk empat hektar ke bawah dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM1,500 sehektar.

Bagi menjimatkan kos pengurusan, meningkatkan keberkesanan dan mengelakkan kekeliruan di kalangan kumpulan sasar, PKPKM memohon supaya kerajaan mengambil langkah positif untuk mengkaji dan menstrukturkan semula institusi yang ada kaitan dengan pembangunan pekebun kecil.

-- BERNAMA

SHI AZZ LAT